

**Soal Tak Jawab**  
**Chedet.cc**  
**13 April 2015**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Saya sedar saya keseorangan. Tetapi jika saya juga berasa bertanggungjawab kepada rakyat salahkah. Apabila duit rakyat hilang dan ini tersembunyi dari rakyat salahkah kalau saya tanya.
2. Saya fikir jika diadakan soal jawab melalui T.V tentulah kerana ingin beritahu rakyat, bukan saya sahaja.
3. Hakikatnya wang 1MDB ada dimana masih tidak dijawab, kata Dato Sri Najib wang itu tidak ada di Cayman Islands. Tetapi dulu mengaku ada di Cayman Islands dan sudah dibawa balik.
4. Rakyat jadi lebih keliru. Jika tidak ada di Cayman Islands, ada dimana? Daripada mana datang wang yang separuh dibawa balik dahulu dan separuh dibawa balik untuk disimpan di Singapura.
5. Kenapa perlu simpan duit yang bukan dari Cayman Islands dan tidak diguna untuk bayar faedah dua billion. Kenapa kerajaan membuat standing credit sebanyak 900 million.
6. Berkenaan Altantuya, saya hanya bertanya siapa yang memberi arahan kepada Sirul yang dikena hukum bunuh. Saya tidak tuduh Najib. Biasanya anggota polis atau tentera tidak tembak mati sesiapa melainkan diserang atau di arah. Ini soal nyawa manusia. Kalau salah, bunuhlah Sirul. Tetapi kalau menjalankan tugas, menurut perintah tidak adil lah jika Sirul dibunuh.
7. Ramai orang datang jumpa saya. Jika keluarga Sirul nak jumpa, saya jumpa. Ini bukan soal lapan tahun dahulu. Ini soal nak gantung anak orang ini hari ini.
8. Rakyat tidak tanya. Tetapi ramai tanya saya. Saya tak dapat jawab. Saya tanya orang yang boleh jawab.
9. Banyaklah lagi soalan saya yang tidak dijawab. Sebaliknya, tindakan saya ini kononnya kerana jambatan bengkok tidak dibina.
10. Jika kerana jambatan bengkok yang saya marah, saya patut tuntutan perletakan Najib sebelum PRU 13. Sebaliknya saya berkempen untuk kemenangan Najib. Kepimpinan Najib di Selangor tidak berkesan.
11. Sokongan dari kumpulan-kumpulan tertentu tidak bermakna mereka sokong 1MDB. Mereka takut. Ada yang tanya saya berkenaan dengan 1MDB dan minta saya buat sesuatu. Sekarang ada ugutan terhadap sesiapa yang tidak menyatakan sokongan kepada Najib.

12. Teringat saya kepada ribuan orang yang dibawa berhimpun dan disuruh angkat sepanduk “I love PM” dan menyanyi “I M 4 U”. Tetapi dalam PRU 13 kalah.

*Uncategorized*

**SHARE THIS** TWITTER FACEBOOK DELICIOUS STUMBLEUPON E-MAIL 

← *SUPPORTING NAJIB*

## **6 Comments**

1. **Hajar**

April 14, 2015 at 11:41 AM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

SOAL TAK JAWAB

///

Utusan Online:

Pemuda UMNO tidak sokong PM secara membuta tuli

Oleh MOHD. HAZLI HASSAN

KUALA LUMPUR 13 April – Pemuda UMNO tidak memberikan sokongan membuta tuli kepada kepimpinan parti khususnya Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Perdana Menteri, hanya disebabkan mahu terus memegang jawatan.

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, sokongan pergerakan itu kepada kepimpinan parti disebabkan Pemuda mahukan parti kekal kuat serta terus berjaya dan bukan tersungkur pada masa akan datang.

“Kita anak muda dalam UMNO dan kalau kita bagi sokongan membuta tuli kepada pemimpin yang memberikan pendapat yang tidak boleh dipertahankan, bukan hanya pemimpin itu akan jatuh, tapi kapal UMNO akan karam dalam pilihan raya akan datang.

“Buat apa kita saja nak bermuka-muka depan Presiden, depan Perdana Menteri, hanya kerana hendak jaga kedudukan kita?

“Mungkin saya ada jawatan, tapi rata-rata exco Pemuda tiada, mereka adalah pemimpin akar umbi... jadi tak mungkin mereka beri keyakinan kepada saya yang mereka menyokong Presiden jika mereka merasakan Presiden tidak layak disokong.

“Kita bagi sokongan hari ini sebab kita yakin dan percaya dengan kepimpinan Presiden,” katanya kepada pemberita dalam sidang akhbar selepas majlis perjumpaan dengan Najib di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Perjumpaan ini adalah perjumpaan kedua Najib dengan pemimpin sayap UMNO selepas perjumpaan dengan Wanita UMNO pada minggu lepas.

///

### **Alahai!**

Alangkah baiknya jika Pemuda UMNO 'garang' & mengembeling seluruh tenaga untuk membela parti dan bangsa/agama bila serangan dan 'fitnah' bertalu-talu dilontar oleh Pembangkang terhadap parti dan orang Melayu. Mereka tidak tahu siap 'musuh' sebenar UMNO. Tapi 'bloggers' upahan mereka yang digelar 'bang\*ng' oleh PM..

Saya sebagai rakyat biasa tidak boleh menerima cara mereka (kepimpinan UMNO/BN) 'memperlekeh' Tun kerana Tun cuma bertanya soalan2 yang 'valid'. Mereka masih sokong PM yang gagal jawab soalan2 mudah. We will see if they can win the 'war'. Kita lihat siapa yang akan tersungkur nanti.

Terima kasih Tun. Jasa Tun kepada Bangsa, Agama dan Negara tetap dikenang dan dihargai.

\*\*\* Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. \*\*\*

2. *sharifah95*

April 13, 2015 at 9:29 PM | [Permalink](#)

Dear Tun, kami semua bersetuju dgn tun dan tun tidak keseorangan di dalam hal ini. Apa yg dipersoalkan tun adalah perkara yang benar dan fakta. semoga allah memberikan perlindungan kepada tun dan menyelamatkan Msia dripada kepimpinan pemimpin yang lemah ... kami menyokong perjuangan Tun walaupun skrg tun bukan Pm tpi masih menganggap tun sbgai pemimpin kami , kami memerlukan tun demi bangsa dan Negara ini . Terima kasih tun.

3. *abddman*

April 13, 2015 at 9:26 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun...

Semoga Tun sekeluarga dilimpahi rahmat dan dipermudahkan segala urusan di dunia dan di akhirat. Pada awalnya kami sangkakan memang sudah tiada harapan lagi untuk rakyat Malaysia khususnya orang Melayu merintih, merayu atau menegur segala keterlanjuran PM Najib. Rupa-rupanya sangkaan kami meleset. Tun telah menzahirkan sedikit sebanyak rintihan, rayuan dan teguran kami. Jutaan terima kasih kami ucapkan kerana pengorbanan Tun. Kami tetap teguh di belakang Tun walaupun Tun dikeji dan dihina.

4. *almadani*

April 13, 2015 at 6:06 PM | [Permalink](#)

Salaam buat Tun yg saya hormati.

Siapa kata Tun keseorangan? Dlm hal yg berbangkit ini, saya percaya dan yakin ramai yg menyokong dan membenarkan tindakan yg Tun buat. Biasalah Tun, ada juga yg tak setuju sbb mereka kurang sedar kesan 42 bil tu. Sama jugak dgn bantuan brim....5bil bukan jumlah yg kecil, jika utk pembangunan berapa banyak peluang baru yg akan terbuka?

Mudah saja Tun, bila ada persoalan mesti ada jawapan. Jawablah spt mana zaman Tun dulu...menjawab segalanya dgn penuh yakin dan berani...demi bangsa dan negara.

Rakyat bukan mau dengar alasan atau jawapan yg kabur. Fakta.

Saya tetap dan akan terus menyokong tindakan Tun demi bangsa dan negara.

Sekian. Terima kasih Tun.

Salaam.

5. *anam*

April 13, 2015 at 6:05 PM | [Permalink](#)

Assalamu'alaikum Tun. Semoga Tun sentiasa dalam keadaan sihat. Ingin saya tekankan disini bahawa Tun tidak keseorangan kerana kami bersama Tun, cuma kami tiada punya kuasa dan pengaruh. Walaupun Tun sudah tidak mempunyai kuasa, namun Tun sebagai negarawan mempunyai pengaruh yang besar. Tun lah harapan kami untuk memohon pencerahan.. Umur yang Allah kurniakan kepada Tun ada hikmahnya, mungkin ini la sebabnya. Semoga Tun dapat memantu Malaysia kembali ke landasan visi 2020..

6. ***Daniel Noor***

April 13, 2015 at 6:01 PM | [Permalink](#)

Najib dan pemimpin2 UMNO just dont giveca damn to the Rakyat and even to u Tun. They willvabandon Najib when they see see BN falls at the coming GE. By that time its too late. The Rakyat especially the Malays irrespective whether they fm UMNO..PAS..PKR will lose respect and dignity. The Malays may become servants in their homeland. Just like the Indonesians..Filipinos..Thais..

Source: <http://chedet.cc/?p=1645>